



SITI ZAHARAH SULAIMAN (tengah) bersama Daing Nasir Ibrahim (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Aur Gading, Lipis, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA CHELLO KAMPUS) TUNJUR 24/2/2015 m/s 26

UMP, Ikwam bantu mangsa banjir

KUANTAN 24 Feb. - Seramai 50 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Institut Kemajuan Wanita Malaysia (Ikwam) menyerahkan sumbangan banjir berbentuk 500 set tilam, bantal dan selimut kepada mangsa musibah itu menerusi Program Titian Kasih di sekitar negeri ini baru-baru ini.

Pengerusi Ikwam, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah Sulaiman berkata, persembaan itu menyasarkan penghantaran bantuan ke kawasan dikategorikan berisiko tinggi selain memberikan informasi mengenai kesihatan, keselamatan dan pencegahan awal yang perlu diambil apabila tanda-tanda banjir bakal melanda.

"Aktiviti Ikwam tidak semestinya memfokuskan terhadap kaum wanita sahaja tetapi kepada masyarakat umum termasuk

pengendalian selepas banjir iaitu bagaimana mengurus psikologi dan trauma dihadapi mangsa menerusi aktiviti dilaksanakan sukarelawan.

"Malahan atas kesedaran ini, kami memperkenalkan Program Integrasi Jaringan Pemudah Cara (In-jap) untuk membantu isi rumah terlibat," katanya selepas menyerahkan sumbangan berkenaan di sini.

Menurut Siti Zaharah, program In-jap diharapkan mampu menggerakkan kegiatan yang proaktif dan positif agar bantuan dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran bagi membolehkan mereka bangkit semula meneruskan kehidupan daripada kesan banjir.

Kata beliau, pihaknya berhasrat meluaskan kerjasama dengan UMP dalam mengenal pasti data-data kategori mangsa, lokasi, keadaan

rumah dan mengkaji tindakan su-sulan serta pemantauan selepas bantuan pasca banjir diberikan.

Beliau turut memuji sukarelawan UMP termasuk daripada Persatuan Wanita universiti itu, Matahari yang berusaha memastikan sumbangan sampai kepada golongan sasaran.

Sementara itu, seorang sukarelawan Matahari, Haxlina Faizal, 21, berkata, mereka berusaha mengagihkan tilam, bantal dan selimut kepada mangsa banjir yang memerlukan kelengkapan itu selepas rumah masing-masing terjejas akibat musibah berkenaan.

"Semoga penduduk memperoleh manfaat dan lebih selesa menerusi sumbangan ini ketika mereka berusaha bangkit untuk memulihkan semula kehidupan," katanya.